



**SENARAI SEMAKAN BAGI
PERMOHONAN-PERMOHONAN
BERKAITAN PEMEGANG
PAJAK GADAI**

SENARAI SEMAKAN PERMOHONAN LESEN BARU PEMEGANG PAJAK GADAI

BIL	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	KETERANGAN
1	Surat iringan (covering letter)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mempunyai no. rujukan fail, tarikh dan alamat surat-menyurat, nombor telefon untuk dihubungi, kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dimana perniagaan akan dijalankan dan bertandatangan pemohon.
2	Borang Permohonan Lesen Pemegang Pajak Gadai [Jadual A , Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004 [PPPG(KP)2004]	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Semua butiran diisi dengan lengkap dan bertandatangan pemohon serta mencatatkan nama, no. kad pengenalan dan jawatan penandatangan, tarikh dan dicop/meteri am syarikat/pemohon.
3	Borang Maklumat Tambahan Permohonan Lesen Pemegang Pajak Gadai (boleh diperolehi melalui laman web atau kaunter)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Semua butiran diisi dengan lengkap dan bertandatangan pemohon serta mencatatkan nama, no. kad pengenalan dan jawatan penandatangan, tarikh dan dicop/meteri am syarikat/pemohon.
4	Sesalinan kad pengenalan bagi setiap pemilik/ pemegang jawatan/ lembaga pengarah yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah/ Pegawai Kerajaan/ Peguam	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bagi warganegara asing, boleh menggunakan paspot bagi menggantikan kad pengenalan.
5	Sesalinan Akuan Berkanun [Jadual D , Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004]	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap oleh setiap pemilik/ pemegang jawatan/ lembaga pengarah dihadapan hakim Mahkamah Sesyen/ Majistret/ Pesuruhjaya Sumpah.
6	Sesalinan Borang 24 Akta Syarikat 1965 dan <i>Form of Annual Return</i> terbaru atau penyata akaun bank bagi bulan terkini yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah/ Pegawai Kerajaan/ Peguam.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Modal berbayar (tunai) atau penyata akaun bank terkini berjumlah minimum sebanyak RM 500,000.00. ▪ Syarikat Sdn Bhd perlu menunjukkan modal di atas nama syarikat sahaja

		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perniagaan perkongsian atau pemilik tunggal boleh menunjukkan modal di atas nama pemilik sahaja dan nama perniagaan.
7	Sesalinan Borang 13, 44, 49, Akta Syarikat 1965 atau Borang D/E, maklumat perniagaan, dan maklumat pemilik ,Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memastikan maklumat nama pemohon, nama pemilik dan alamat berdaftar dalam borang permohonan adalah sama dengan yang berdaftar dengan SSM ▪ Kesemua dokumen hendaklah diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah/ Pegawai Kerajaan/ Peguam.
8	Sesalinan Memorandum dan Artikel syarikat atau Perakuan Pendaftaran (Borang D/E) atau kaedah-kaedah undang-undang kecil pertubuhan/ yayasan/ perkongsian/ dsb. dan diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah/ Pegawai Kerajaan/ Peguam.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Membuktikan perniagaan pajak gadai dicatatkan dengan jelas sebagai salah satu objek/aktiviti syarikat /pemohon
9	Sesalinan profail syarikat atau surat pengesahan bekas majikan berkaitan tempoh dan jenis pengalaman dalam perniagaan emas atau pajak gadai bagi mana-mana pemilik syarikat/ firma/ pertubuhan; mana yang berkenaan.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sebagai bukti samada salah seorang pemilik mempunyai pengalaman di dalam urusan niaga barang kemas.
Setelah semua dokumen dikemukakan,		
10	Surat pengesahan Pusat Pendaftaran Penjenayah Malaysia dan Singapura PDRM dan mempunyai rekod bersih Lembaga Hasil Dalam Negeri / Jabatan Siasatan Jenayah Komersil PDRM / Bank Negara Malaysia / Jabatan Insolvensi ke atas setiap pemilik/ lembaga pengarah.	<ul style="list-style-type: none"> • Semua pihak berkenaan tiada halangan terhadap permohonan pemilik/ lembaga pengarah. • Surat arahan menjani tapisan polis akan diserahkan kepada pemohon • Surat-surat tapisan lain akan diuruskan oleh KPKT